




# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

---

Laporan Tahunan  
**2 0 2 0**







**SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN PELAJARAN**

---


Laporan Tahunan  
**2 0 2 0**




## Isi Kandungan

- 3 Perutusan Pengerusi
- 7 Pena Setiausaha
- 11 Ringkasan Eksekutif
- 13 Latar Belakang
- 19 Anggota Suruhanjaya
- 25 Urus Setia SPP
  - Carta Organisasi
  - Organisasi Jabatan
    - Perjawatan
    - Fungsi Bahagian
- 35 Urusan Pengambilan
- 45 Urusan Perkhidmatan
- 53 Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib
- 59 Pengurusan Maklumat
- 67 Urus Setia Cawangan Sabah
- 73 Urus Setia Cawangan Sarawak
- 79 Prestasi Kewangan
- 81 Mesyuarat Suruhanjaya
- 85 Diari 2020
- 113 Liputan Media
- 115 Pengiktirafan
- 117 Sekalung Penghargaan
- 121 Glosari
- 123 Lagu SPP





# PERUTUSAN PENGERUSI



# Perutusan Pengerusi



## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**S**yukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi tahun 2020 dapat diterbitkan. Semoga laporan ini akan menjadi sumber rujukan kepada warga SPP khususnya dan agensi-agensi kerajaan lain amnya terutama berkaitan dengan pengurusan sumber manusia sektor pendidikan.

Tahun 2020 merupakan tahun yang getir dan mencabar buat seluruh negara kerana dunia dilanda pandemik Coronavirus 2019 atau singkatannya lebih dikenali sebagai COVID-19. Bagi membendung penularan wabak ini, kerajaan telah mengambil langkah proaktif mengarahkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sekatan menyeluruh pergerakan rakyat Malaysia dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Walaupun terkesan dengan langkah tersebut, SPP telah merangka alternatif bagi menyesuaikan urusan pengoperasian dengan situasi semasa. Beberapa aktiviti sepanjang tahun lepas telah dilaksanakan dengan jayanya dan antaranya ialah program bersiri turun padang iaitu Program Bersepadu dan Sesi Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan yang merupakan platform perbincangan dan perkongsian isu semasa sektor pendidikan bersama pemegang taruh (*stakeholders*).

Bagi memastikan Suruhanjaya ini tidak ketinggalan dengan perubahan arus perdana, dua (2) sistem telah dibangunkan secara *in-house* iaitu Sistem Kertas Pertimbangan Suruhanjaya (e-KEPS) yang merupakan sistem memuat naik dokumen bagi kegunaan dan rujukan Mesyuarat Suruhanjaya dan Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) yang berfungsi memudahkan masyarakat umum untuk membuat pendaftaran permohonan pekerjaan secara dalam talian bagi jawatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang ditawarkan.

Selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM), keperluan memastikan pemilihan calon yang berkualiti dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keguruan amatlah dititik beratkan. Dalam keadaan semasa yang menyukarkan urusan temu duga dilaksanakan secara konvensional, SPP buat pertama kalinya telah mengadaptasi kemudahan teknologi dengan menemu duga calon secara dalam talian (*video conference*) dan merangka tugas yang boleh dikemukakan secara rakaman video.

Syabas saya ucapkan kepada seluruh warga SPP atas kesungguhan dan komitmen padu yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Semoga Suruhanjaya ini kekal menjadi sebuah agensi kerajaan yang relevan serta berdaya maju dan semoga segala usaha yang dicurahkan oleh pelbagai pihak diberkati oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**


Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran




*Syabas saya ucapkan kepada seluruh warga SPP atas kesungguhan dan komitmen padu yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Semoga Suruhanjaya ini kekal menjadi sebuah agensi kerajaan yang relevan serta berdaya maju dan semoga segala usaha yang dicurahkan oleh pelbagai pihak diberkati oleh Allah SWT.*





# PENA SETIAUSAHA

▶▶▶



# Pena Setiausaha



## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**T**erlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) Tahun 2020 berjaya diterbitkan. Laporan ini merekod dan merakamkan program dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020 selaras dengan fungsi SPP. Berdasarkan laporan ini juga, tahap pencapaian SPP secara keseluruhan boleh diukur dan seterusnya disemak serta dikaji semula bagi tujuan penambahbaikan program dan aktiviti bagi tahun-tahun akan datang.

Mendepani cabaran semasa pandemik COVID-19, aspek tadbir urus yang baik atau *good governance* hendaklah dipertingkatkan. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa, perkhidmatan kerajaan dikehendaki beroperasi sepenuhnya seperti biasa. Sehubungan dengan itu, SPP dengan berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2020, Dasar Bekerja Dari Rumah, telah menetapkan kehadiran warganya adalah secara sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR). Ini bagi memastikan urusan harian tidak terjejas dan ekspektasi pemegang taruh (*stakeholders*) tidak dihampakan.

Selaras dengan asas penubuhan, SPP pada tahun 2020 telah menerima sebanyak 410,959 permohonan calon bagi mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Daripada jumlah tersebut, seramai 21,711 telah ditemu duga dan hanya 6,894 calon yang berjaya dan ditawarkan pelantikan sebagai Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP). Dalam usaha mengoptimumkan lagi urusan pengoperasian, SPP dengan menggunakan tenaga mahir dalaman, telah membangunkan Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) yang menjadi medium pengumpulan dan tapisan data bagi maklumat permohonan dan pengambilan calon-calon APP.

Pendekatan sesi turun padang (*engagement*) bersama pelanggan ke negeri-negeri dan pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat terutamanya Mesyuarat Suruhanjaya sering kali dilaksanakan secara bersemuka. Namun, dalam situasi semasa, SPP telah mula mengadaptasi pelaksanaan persidangan secara maya (*virtual conference*) agar komunikasi dapat berlangsung secara dua hala. Pada masa akan datang, SPP melihat terdapat ruang untuk menaik taraf infrastruktur jabatan dan penambahbaikan dalam urusan pendigitalan agar perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih baik lagi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga SPP yang telah memberi idea dan komitmen yang tinggi sehingga menyumbang ke arah pencapaian cemerlang SPP sepanjang tahun 2020. Semoga SPP akan kekal relevan dan berdiri teguh dalam mengharungi cabaran pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.




**DATUK SUHAIMI BIN JUSOH**

Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran




*Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga SPP yang telah memberi idea dan komitmen yang tinggi sehingga menyumbang ke arah pencapaian cemerlang SPP sepanjang tahun 2020. Semoga SPP akan kekal relevan dan berdiri teguh dalam mengharungi cabaran pada masa akan datang.*





# RINGKASAN EKSEKUTIF



# Ringkasan Eksekutif



Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan pelbagai urusan yang melibatkan APP seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 21 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 21 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 10 kali bagi tahun 2020.

Bagi tahun 2020, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM22,069,900.00 bagi perbelanjaan pengurusan Anggota Suruhanjaya dan Urus Setia. Walau bagaimanapun, dengan cabaran menghadapi pandemik COVID-19, peruntukan asal telah dikurangkan dan keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun adalah berjumlah RM19,479,980.84 iaitu 95.46% dari jumlah yang diperuntukkan.

Sepanjang tahun 2020, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

URUSAN PELANTIKAN	BILANGAN
PERMOHONAN	410,959
TEMU DUGA	21,711
TAWARAN PELANTIKAN	6,894

URUSAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
PENGESAHAN PELANTIKAN	3,134
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	5,786
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	193
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	9,302
PERTUKARAN SEMENTARA	138
PEMINJAMAN PEGAWAI	22

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	BILANGAN
KES TATATERTIB	33
HUKUMAN TATATERTIB	32
RAYUAN TATATERTIB	47
RAYUAN NAIK PANGKAT	9

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat utama di SPP adalah seperti berikut:

MESYUARAT SURUHANJAYA	BILANGAN
KERTAS PENGAMBILAN	228
KERTAS PERKHIDMATAN	147
KERTAS TATATERTIB	92
KERTAS DASAR	2

MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	BILANGAN
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	96

MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	BILANGAN
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	9

# LATAR BELAKANG



# Latar Belakang



## PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Anggota Suruhanjaya SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

## FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

 <p>melantik</p>	 <p>mengesahkan</p>	 <p>memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen</p>
 <p>menaikkan pangkat</p>	 <p>meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan</p>	 <p>menjalankan kawalan tatatertib</p>

## PENURUNAN KUASA

### PERKARA 144 (5B) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpenyen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

## KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA

### PERKARA 144 (8) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

## LAPORAN TAHUNAN

### PERKARA 146 (1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN


SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan laporan dibentangkan di Parlimen.

## Latar Belakang



### VISI

Peneraju Transformasi  
Modal Insan Perkhidmatan  
Pendidikan



### MISI

Melantik dan mengekalkan bakat  
terbaik dalam perkhidmatan  
melalui pengurusan perkhidmatan  
yang transformatif

### KOD ETIKA



Tegas, Adil dan  
Profesional



Efisien dan  
Efektif



Keikhlasan dan  
Kesyukuran



Amanah dan  
Akauntabiliti



Dinamik dan  
Berdisplin

## Latar Belakang



### PIAGAM PELANGGAN

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited memastikan Piagam Pelanggan di Jadual 1 tercapai.

**Jadual 1: Piagam Pelanggan**

URUSAN	PIAGAM
<b>Pengambilan</b>	
(i) PPP dan PPPT	Diselesaikan tidak lewat lapan (8) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
(ii) AKP	Diselesaikan tidak lewat 10 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada KPM.
<b>Perkhidmatan</b>	Diselesaikan tidak lewat daripada enam (6) minggu daripada tarikh perakuan lengkap diterima.
<b>Tatatertib</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Surat Keputusan Tindakan Tatatertib Am Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh lapan (8) minggu setelah representasi pegawai, ulasan Ketua Jabatan dan dokumen berkaitan lengkap diterima;</li> <li>(ii) Surat Keputusan Rayuan Tatatertib Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh enam (6) minggu setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima; dan</li> <li>(iii) Surat Keputusan Rayuan Naik Pangkat Suruhanjaya dikeluarkan kepada Pengerusi Lembaga Naik Pangkat dalam tempoh lapan (8) minggu setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.</li> </ul>
<b>Khidmat Pengurusan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja;</li> <li>(ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja; dan</li> <li>(iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.</li> </ul>

## Latar Belakang



### LOKASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



#### Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Ibu Pejabat Putrajaya)

Aras 1-4, Blok Fg, Kompleks F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1  
62000 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8871 7499




#### Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urus Setia Cawangan Sabah

Aras 1, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan Sabah  
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas  
88450 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel: 088-488 521/522/523/524  
Faks: 088-487 257




#### Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urus Setia Cawangan Sarawak

Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn  
Lot 1546, Blok 17, KCLD  
Jalan Lapangan Terbang  
93250 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-537 000 / 029  
Faks: 082-528 971 / 972



# ANGGOTA SURUHANJAYA





# Anggota Suruhanjaya



SPP diperuntukkan seramai tiga belas Anggota Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Anggota Suruhanjaya dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat YAB Perdana Menteri dan Persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2020, Suruhanjaya dianggotai oleh:



- 1 **YBHG. TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**  
Pengerusi SPP
- 2 **YBHG. DATUK SERI AZMI BIN LATEH**  
Timbalan Pengerusi
- 3 **YBHG. DATO' HAJI MOHD SANI BIN MISTAM**
- 4 **YBHG. DATO' DR. AZMI BIN SHAPIE**
- 5 **YBHG. DATUK HAJI MUHIDDIN @ MOHD ANAS BIN YUSIN**

## Anggota Suruhanjaya



10

8

6

7

9

- 6 YBRS. DR. AZIAN BINTI TENGGU SYED ABDULLAH
- 7 YBRS. PUAN HAMSIAH BINTI ABDULLAH MASNI
- 8 YBHG. DATUK GIVANANADAM A/L KALINAN
- 9 YBHG. DATO' SABARIAH BINTI HASSAN
- 10 YBRS. DR. JAMIL BIN ADIMIN

## Anggota Suruhanjaya



13

11

12

- 11 YBRS. ENCIK SHABUDIN BIN MAN
- 12 YBHG. DATO' WEE BENG EE
- 13 YBRS. DR. ZAINAL AALAM BIN HASSAN


## Anggota Suruhanjaya



### ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN

YBhg. Tan Sri Ahmad Phasal bin Talib telah menjalankan tanggungjawab beliau selaku Timbalan Pengerusi SPP dari tarikh 17 April 2017 sehingga 16 April 2020.





# URUS SETIA SPP

▶▶▶



# Urus Setia

## SPP



Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sembilan orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah 262 orang pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak



3

1

2

- 1 YBHG. DATUK SUHAIMI BIN JUSOH**  
Setiausaha SPP
- 2 YBRS. ENCIK MD RADZI BIN HASHIM**  
Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan)
- 3 YBRS. ENCIK AHMAD TARMIZI BIN ZAKARIA**  
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

## Urus Setia SPP



- 4 **ENCIK WAN AHMAD BIN IBRAHIM**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan
- 5 **ENCIK FADLI AHMAD BIN ISMAIL**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengambilan
- 6 **ENCIK HAZLAN BIN HASHIM**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
- 7 **ENCIK MOHD FAIZUL FITRI BIN MUSLIL**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Perkhidmatan
- 8 **PUAN ROZILA BINTI MEGAT OTHMAN**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat

## Urus Setia SPP



13

11

9

10

12

14

- 9 PUAN FAIZAH BINTI EDRUS**  
Setiausaha Bahagian, Urus Setia Cawangan Sarawak
- 10 ENCIK ZAMZUL @ ROSMADI BIN REBBIN**  
Setiausaha Bahagian, Urus Setia Cawangan Sabah
- 11 PUAN NOR KAMILA BINTI KAMARUZAMAN**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Keurusetiaan
- 12 PUAN MARRIANEE ANAK JEMLIN**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan
- 13 PUAN NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE**  
Penasihat Undang-Undang
- 14 PUAN NURUL NADHIRAH BINTI MOHAMED YUSOFF**  
Ketua Unit Integriti

## Urus Setia SPP



### URUS SETIA SPP YANG TELAH BERTUKAR KELUAR



**ENCIK MOHAMAD FAHMI BIN MOHD LATIB**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengambilan Bukan Guru  
21.04.2014 - 15.01.2020



**PUAN INTANUR SURIA BINTI WAHABI**  
Setiausaha Bahagian  
Urus Setia Cawangan Sarawak  
01.12.2015 - 16.03.2020



**PUAN NUR AZHANI BINTI YUNOS**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Keurusetiaan  
15.01.2020 - 16.03.2020



**ENCIK ROSS RAFIZAL BIN ROSLI**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengambilan Guru  
27.06.2018 - 10.04.2020




**PUAN JARIAH BINTI JALALUS SHUTI**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
15.01.2018 - 28.10.2020

# Carta Organisasi

Suruhanjaya telah memperoleh kelulusan bagi cadangan penyusunan semula struktur organisasi SPP daripada Jabatan Perkhidmatan Awam berkuatkuasa 21 Mei 2020, antaranya:

- i. penggabungan Bahagian Pengambilan Guru dan Bahagian Pengambilan Bukan Guru dan dinamakan sebagai Bahagian Pengambilan; dan
- ii. pewujudan Pejabat Penasihat Undang-Undang.



# Organisasi Jabatan



## PERJAWATAN URUS SETIA SPP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	IBU PEJABAT	CAWANGAN SABAH	CAWANGAN SARAWAK	JUMLAH
PENGURUSAN TERTINGGI	2	0	0	2
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	35	4	4	43
SOKONGAN	175	21	21	217
<b>JUMLAH</b>	<b>212</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>262</b>

## FUNGSI BAHAGIAN

### Bahagian Pengambilan

Bertanggungjawab menguruskan pelantikan tetap bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang meliputi:

- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga;
- Menguruskan tawaran pelantikan;
- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan yang berkaitan; dan
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkeelayakan mengikut skim perkhidmatan.

*Nota: Bahagian Pengambilan Guru dan Bahagian Pengambilan Bukan Guru telah digabungkan dan beroperasi sepenuhnya berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.*

### Bahagian Perkhidmatan

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang meliputi:

- Menguruskan Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pemberian Taraf Berpencen
- Pelantikan secara Pertukaran Sementara / Pertukaran Tetap / Peminjaman
- Penamatan Perkhidmatan
- Pertukaran Pelantikan
- Pemendekkan tempoh pinjaman atau tukar lantik

*Nota: Urusan Pengesahan Pelantikan dan pelantikan semula kontrak daripada Bahagian Pengambilan telah diambil alih dan dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan bermula 1 Julai 2020.*

## Organisasi Jabatan



### Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

- Mengendalikan urusan tatatertib am dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan tatatertib jenayah bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Tahan Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Gantung Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib am bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib jenayah bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan kenaikan pangkat APP
- Mengendalikan urusan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM).

### Bahagian Dasar dan Perancangan

- Menyediakan Laporan Tahunan SPP
- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik SPP
- Menyemak dan mengemas kini dasar dan pekeliling SPP
- Menyelaras maklum balas parlimen
- Mengemukakan input yang dipohon oleh agensi Kerajaan yang lain
- Urus Setia Mesyuarat Perhubungan SPP

### Pengurusan Maklumat

Menyediakan prasarana dan khidmat sokongan ICT bagi menyokong pelaksanaan fungsi SPP dan bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) SPP
- Membangun dan memantau pematuhan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) SPP
- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi SPP
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem aplikasi SPP
- Merancang dan mengurus aset ICT SPP
- Menguruskan pusat data SPP
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT

## Organisasi Jabatan



### Bahagian Pengurusan

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tata tertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan Jabatan
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaras pelaksanaan modul / submodul aplikasi HRMIS

### Bahagian Keurusetiaan

Mengurus setia mesyuarat-mesyuarat seperti yang berikut:

- Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (MSJ)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tata tertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTP)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (MLRKP)
- Mesyuarat *Search Committee* Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
- Menguruskan hal ehwal Anggota Suruhanjaya

### Pejabat Penasihat Undang-Undang:

- Memberi nasihat undang-undang kepada semua Bahagian di SPP;
- Menggubal, menyemak dan meluluskan dokumen perjanjian, kontrak, memorandum persefahaman dan dokumen lain yang melibatkan SPP;
- Menggubal dan menyemak rang undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dokumen-dokumen perundangan lain di bawah bidang kuasa SPP;
- Mengendalikan kes-kes saman/guaman di Mahkamah yang melibatkan SPP sebagai Plaintiff; dan
- Menghadiri Mesyuarat SPP selaku wakil Jabatan Peguam Negara, Mesyuarat Pra Suruhanjaya dan Mesyuarat Pasca Suruhanjaya.

*Nota: Diperaku oleh JPA bertarikh 21 Mei 2020.*

### Unit Integriti

- Pengukuhan integriti dan tadbir urus
- Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) SPP
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa
- Pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan/maklumat mengenai salah laku, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP
- Urus Setia Lembaga Tata tertib SPP

## Organisasi Jabatan



### Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak

Melaksanakan urusan pengambilan dan perkhidmatan APP di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran pelantikan
- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan yang berkaitan
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkelayakan mengikut skim perkhidmatan
- Menguruskan Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pemberian Taraf Berpencen
- Menguruskan penamatan perkhidmatan bagi pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan
- Memberikan khidmat nasihat bagi pengurusan kes-kes perkhidmatan kepada pihak jabatan dan sekolah


Menguruskan hal ehwal pentadbiran cawangan dan sokongan logistik seperti berikut:

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tatatertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan cawangan
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaras pelaksanaan modul / submodul aplikasi HRMIS

Melaksanakan aktiviti pengurusan maklumat seperti berikut:

- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT serta pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT) di peringkat cawangan
- Merancang dan menguruskan penyelenggaraan rangkaian dan aset fizikal ICT
- Memberi khidmat sokongan teknikal kepada warga kerja dan pemegang taruh yang menggunakan aplikasi perkhidmatan SPP

# URUSAN PENGAMBILAN



# Urusan Pengambilan



SPP melaksanakan urusan pengambilan berdasarkan permohonan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengisi kekosongan pelbagai jawatan dan gred bagi skim perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP). Pengambilan APP yang diuruskan oleh SPP secara amnya adalah melibatkan calon-calon daripada pasaran terbuka yang terdiri daripada graduan lepasan universiti untuk pengisian jawatan PPP dan PPPT serta calon-calon lepasan SPM dan PMR untuk pengisian jawatan AKP. Selain itu, SPP juga menguruskan pengambilan dan pelantikan tetap calon-calon tajaan KPM yang telah tamat pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) ke jawatan PPP. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP**

JAWATAN
<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG29 & DG41
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) GRED DH29, DH31, DH33, DH41, DH47, DH51 & DH53
<b>ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA</b>
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19
PENYELIA ASRAMA GRED N19
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19
PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19
PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
PEMBANTU AWAM GRED H11

Secara keseluruhan, SPP menerima sebanyak **410,959** permohonan melalui mySPP pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, **21,711** orang calon telah dipanggil temu duga dan **6,894** orang calon telah ditawarkan pelantikan.

21,711

calon telah dipanggil temu duga

6,894

calon telah ditawarkan pelantikan

## Urusan Pengambilan




Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh SPP adalah seperti yang dipaparkan di **Jadual 3**. Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan adalah seperti di **Carta 1**.

**Jadual 3: Bilangan Permohonan, Temu Duga dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT dan AKP bagi Tahun 2020**

URUSAN	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
PERMOHONAN	97,276	87,573	226,110	410,959
TEMU DUGA	4,586	470	16,655	21,711
TAWARAN PELANTIKAN	4,189	143	2,562	6,894

**Carta 1: Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan bagi Tahun 2020**



## Urusan Pengambilan



### URUSAN PENGAMBILAN SKIM PERKHIDMATAN PPP

Urusan pengambilan PPP bagi tahun 2020 adalah terdiri daripada senarai calon-calon yang berikut:

- Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM
- Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA
- Graduan *Program Teach For Malaysia* (TFM)
- Graduan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
- Graduan Program Pelajar Cemerlang (PPC)
- Graduan Program Kembar Pra-Perkhidmatan (PKP)
- Graduan Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM)
- Guru Interim

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4: Urusan Pengambilan PPP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPP DG41</b>				
SEMENANJUNG		51,999	3,152	2,891
SABAH		6,362	811	726
SARAWAK		5,778	623	571
<b>JUMLAH</b>		<b>64,139</b>	<b>4,586</b>	<b>4,188</b>
<b>PPP DG29</b>				
SEMENANJUNG		26,055	0	1 <sup>1</sup>
SABAH		4,070	0	0
SARAWAK		3,012	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>33,137</b>	<b>0</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>97,276</b>	<b>4,586</b>	<b>4,189</b>

<sup>1</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019.

## Urusan Pengambilan



### URUSAN PENGAMBILAN PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2020 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan perangkaan urusan pengambilan PPPT adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5: Urusan Pengambilan PPPT bagi Tahun 2020**

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPPT DH47</b>				
SEMENANJUNG		36	18	12
SABAH		0	0	0
SARAWAK		3	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>39</b>	<b>18</b>	<b>12</b>
<b>PPPT DH41</b>				
SEMENANJUNG		44,513	435	116
SABAH		4,300	9	7
SARAWAK		3,319	8	5
<b>JUMLAH</b>		<b>52,132</b>	<b>452</b>	<b>128</b>
<b>PPPT DH29</b>				
SEMENANJUNG		30,270	0	3 <sup>2</sup>
SABAH		2,860	0	0
SARAWAK		2,272	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>35,402</b>	<b>0</b>	<b>3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>87,573</b>	<b>470</b>	<b>143</b>

<sup>[2]</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019.

## Urusan Pengambilan

### URUSAN PENGAMBILAN AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui portal mySPP. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6: Urusan Pengambilan AKP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PT (PO) N19</b>				
SEMENANJUNG		43,968	6,997	711
SABAH		9,253	82	117
SARAWAK		9,273	367	121
<b>JUMLAH</b>		<b>62,494</b>	<b>7,446</b>	<b>949</b>
<b>PT (KEW) N19</b>				
SEMENANJUNG		13,039	0	0
SABAH		2,665	0	0
SARAWAK		1,926	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>17,630</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PPM N19</b>				
SEMENANJUNG		30,859	6,013	646
SABAH		7,815	94	125
SARAWAK		8,980	442	12
<b>JUMLAH</b>		<b>47,654</b>	<b>6,549</b>	<b>783</b>
<b>PM C19</b>				
SEMENANJUNG		23,130	0	82 <sup>3</sup>
SABAH		4,275	0	9 <sup>4</sup>
SARAWAK		4,435	0	11 <sup>5</sup>
<b>JUMLAH</b>		<b>31,840</b>	<b>0</b>	<b>102</b>
<b>PENYELIA ASRAMA N19</b>				
SEMENANJUNG		15,097	0	39 <sup>6</sup>
SABAH		3,891	0	7 <sup>7</sup>
SARAWAK		5,081	0	14 <sup>8</sup>
<b>JUMLAH</b>		<b>24,069</b>	<b>0</b>	<b>60</b>

## Urusan Pengambilan



WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PKP N19</b>				
SEMENANJUNG		13,946	0	0
SABAH		2,667	0	0
SARAWAK		2,208	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>18,821</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PO N11</b>				
SEMENANJUNG		12,683	1,816	506
SABAH		2,811	19	35
SARAWAK		2,940	11	20 <sup>9</sup>
<b>JUMLAH</b>		<b>18,434</b>	<b>1,846</b>	<b>561</b>
<b>PEMANDU KENDERAAN H11</b>				
SEMENANJUNG		3,681	793	94
SABAH		713	15	8
SARAWAK		774	6	5
<b>JUMLAH</b>		<b>5,168</b>	<b>814</b>	<b>107</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>226,110</b>	<b>16,655</b>	<b>2,562</b>

<sup>13</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019

<sup>14</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019

<sup>15</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019

<sup>16</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019

<sup>17</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019

<sup>18</sup>Lantikan tetap Calon Simpanan 2019


<sup>19</sup>Termasuk lantikan tetap Calon Simpanan 2019

## Urusan Pengambilan


### PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PPP, PPPT DAN AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2018 hingga 2020 adalah sebagaimana yang dipaparkan di **Carta 2, 3 dan 4**.

**Carta 2: Perbandingan Urusan Pengambilan PPP bagi Tahun 2018 hingga 2020**




**Carta 3: Perbandingan Urusan Pengambilan PPPT bagi Tahun 2018 hingga 2020**




# Urusan Pengambilan




Carta 4: Perbandingan Urusan Pengambilan AKP bagi Tahun 2018 hingga 2020





# URUSAN PERKHIDMATAN



# Urusan Perkhidmatan


## URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN

SPP telah mengesahkan pelantikan seramai **3,134** APP pada tahun 2020. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 7** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 5**.

Jadual 7: Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2020

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH URUSAN MENGIKUT WILAYAH
	PPP	PPPT	AKP	
Semenanjung	699	144	806	1,649
Sabah	363	53	462	878
Sarawak	265	55	287	607
<b>JUMLAH URUSAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN</b>	<b>1,327</b>	<b>252</b>	<b>1,555</b>	<b>3,134</b>

Carta 5: Perbandingan Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2020



## Urusan Perkhidmatan




### URUSAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2020, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan kepada **5,786** orang APP berdasarkan Peraturan 29 dan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 8**. Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 6**.

**Jadual 8: Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
Semenanjung	4,061	8	790	4,859
Sabah	423	10	81	514
Sarawak	251	65	97	413
<b>JUMLAH URUSAN</b>	<b>4,735</b>	<b>83</b>	<b>968</b>	<b>5,786</b>

**Carta 6: Perbandingan Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP bagi Tahun 2020**



## Urusan Perkhidmatan



### URUSAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seramai **193** orang APP telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2020 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 9**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 7**.

**Jadual 9: Urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
Semenanjung	31	0	73	104
Sabah	14	0	34	48
Sarawak	16	0	25	41
<b>JUMLAH</b>	<b>61</b>	<b>0</b>	<b>132</b>	<b>193</b>

**Carta 7: Perbandingan Urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP bagi Tahun 2020**



## Urusan Perkhidmatan




### URUSAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **9,302** orang APP pada tahun 2020 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 10**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 8**.

**Jadual 10: Urusan Pemberian Taraf Berpencen APP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
Semenanjung	6,184	20	925	7,129
Sabah	1,002	4	49	1,055
Sarawak	1,073	1	44	1,118
<b>JUMLAH URUSAN</b>	<b>8,259</b>	<b>25</b>	<b>1,018</b>	<b>9,302</b>

**Carta 8: Perbandingan Urusan Pemberian Taraf Berpencen APP bagi Tahun 2020**



## Urusan Perkhidmatan



### URUSAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2020, SPP telah mengeluarkan **sembilan (9) notis penamatan** kepada pegawai berdasarkan Peraturan 50(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkaitan.

### URUSAN PERTUKARAN PELANTIKAN

Pertukaran pelantikan merupakan tatacara pelantikan yang dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan pegawai ke Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berlainan atau ke skim perkhidmatan yang sama atau berlainan tanpa melalui proses pelantikan biasa. Sepanjang tahun 2020, SPP telah meluluskan **empat (4) urusan pertukaran pelantikan** seperti di **Jadual 11** yang berikut:

**Jadual 11: Urusan Pertukaran Pelantikan APP bagi Tahun 2020**

BIL.	JAWATAN ASAL	PERTUKARAN PELANTIKAN
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19 di Universiti Malaya	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
3.	Pemandu Kenderaan Gred H11 di Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Pemandu Kenderaan Gred H11 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
4.	Pembantu Operasi Gred N11 di Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Pembantu Operasi Gred N11 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

### URUSAN PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2020, SPP telah melaksanakan urusan berkaitan pelepasan pertukaran sementara seramai **138** orang APP bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 12**.

## Urusan Perkhidmatan



**Jadual 12: Urusan Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
Pelepasan bagi Urusan Pertukaran Sementara	41	14	3	58
Pelepasan bagi Pelanjutan Urusan Pertukaran Sementara	44	6	0	50
Pemendekan bagi Urusan Pertukaran Sementara	26	3	1	30
<b>JUMLAH</b>	<b>111</b>	<b>23</b>	<b>4</b>	<b>138</b>

### URUSAN PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

SPP sebagai PBM telah **meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai 22 orang APP** untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau perkhidmatan awam bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13: Urusan Pelepasan Untuk Pelantikan Secara Peminjaman APP bagi Tahun 2020**

WILAYAH	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
Pelepasan bagi Urusan Peminjaman	12	0	1	13
Pelepasan bagi Pelanjutan Urusan Peminjaman	7	0	0	7
Pemendekan bagi Urusan Peminjaman	2	0	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>22</b>

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

## Urusan Perkhidmatan



### URUSAN PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai yang sedang dipinjam atau ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam.

Sepanjang tahun 2020, **tiada urusan pertukaran tetap** ke agensi peminjam atas kepentingan perkhidmatan agensi berkenaan yang dilaksanakan. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.

### URUSAN PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPP juga turut membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016. Sepanjang tahun 2020, **tiada urusan pelantikan semula** yang dilaksanakan.

### URUSAN KEMBALI KE SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain.

Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan.

# URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB



# Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib




## TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2020, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **33 kes tatatertib** merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 14**. Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 9**. Manakala **Jadual 15** menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2020.

Jadual 14: Kes Tatatertib bagi Tahun 2020

KATEGORI KES TATATERTIB	JAWATAN		JUMLAH
	PPP	PPPT	
Tidak Hadir Bertugas	15	0	15
Tatakelakuan	8	0	8
Sabitan Mahkamah	10	0	10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>33</b>	<b>0</b>	<b>33</b>

Carta 9: Kes Tatatertib bagi Tahun 2020



## Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib



Pecahan menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 15** yang berikut:

**Jadual 15: Hukuman Tatatertib (Am dan Jenayah) bagi Tahun 2020**

HUKUMAN TATATERTIB	JUMLAH
Amaran	3
Amaran, Lucut Hak Emolumen dan Tangguh Pergerakan Gaji	1
Amaran dan Turun Gaji	1
Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji	3
Amaran, Lucut Hak Emolumen dan Buang Kerja	1
Lucut Hak Emolumen	0
Lucut Hak Emolumen dan Turun Gaji	1
Lucut Hak Emolumen dan Buang Kerja	12
Amaran dan Turun Pangkat	1
Turun Gaji	1
Buang Kerja	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>32</b>

*Nota: Terdapat 1 kes tatatertib yang berkeputusan tiada tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai kerana telah meninggal dunia.*

## Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib



### PEWARTAAN

Sepanjang tahun 2020, tiada pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

### PERINTAH TAHAN KERJA DAN PERINTAH GANTUNG KERJA

**Perintah Tahan Kerja (PTK)** dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- i. Prosiding jenayah; atau
- ii. Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala **Perintah Gantung Kerja (PGK)** pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- i. Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- ii. Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2020, SPP telah meluluskan sebanyak **24 PTK** dan sebanyak **16 PGK** seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16: Kelulusan Perintah Tahan Kerja dan Perintah Gantung Kerja bagi Tahun 2020**

JENIS KESALAHAN	PERINTAH	
	PTK	PGK
Akta Pencegahan Rasuah 1997 / Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	3	0
Kesalahan di Bawah Kanun Keseksaan / Undang-Undang Lain	21	13
Kesalahan Jenayah di Bawah Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Atau Enakmen Undang-Undang Islam	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>16</b>

## Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib




### RAYUAN TATATERTIB

Pada tahun 2020, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **47 kes rayuan tatatertib** bagi APP seperti di **Jadual 17**. Manakala pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2020 dipaparkan di **Carta 10**.

**Jadual 17: Keputusan Kes Rayuan Tatatertib bagi Tahun 2020**

HUKUMAN TATATERTIB	JUMLAH
Menghantar Balik Kes Kepada Lembaga Tatatertib Untuk Ditimbang Semula	2
Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	43
Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib Tentang Salah Laku Perayu Tetapi Mengubah Hukuman Kepada Hukuman Yang Lebih Ringan	0
Mengakas Keputusan dan Hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>47</b>

**Carta 10: Pecahan Peratusan Keputusan Rayuan Tatatertib bagi Tahun 2020**



## Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib



### RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran telah mempertimbangkan sebanyak **sembilan (9) rayuan kenaikan pangkat**. Rayuan kenaikan pangkat bagi tahun 2020 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18: Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat APP bagi Tahun 2020**

KATEGORI RAYUAN KENAIKAN PANGKAT	KEPUTUSAN RAYUAN	
	RAYUAN DITOLAK	RAYUAN DITERIMA
PPP Gred DG48 ke Gred DG52	1	0
PPP Gred DG44 ke Gred DG48	2	0
PPP Gred DG41 ke Gred DG44	6	0
PPP Gred DG34 ke Gred DG38	0	0
PPP Gred DH29 ke Gred DH32	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>0</b>

# PENGURUSAN MAKLUMAT




# Pengurusan Maklumat

## SISTEM KERTAS PERTIMBANGAN SURUHANJAYA (e-KEPS)

Pada tahun 2020, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah melancarkan penggunaan Sistem Kertas Pertimbangan Suruhanjaya (e-KEPS) pada 20 Januari 2020.

Pembangunan sistem ini dilaksanakan dengan menggunakan kepakaran dalam SPP dan tidak menggunakan perkhidmatan pihak ketiga. Manakala perkakasan sistem ini menggunakan teknologi maya (*Virtual Server*) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



## Pengurusan Maklumat



Antara tujuan sistem e-KEPS ini dibangunkan adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan urusan memuat naik Kertas Pertimbangan untuk dibaca dan dirujuk oleh Anggota Suruhanjaya.
- ii. Selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara (*National Green Technology*) tahun 2009, penggunaan teknologi secara kreatif bagi kecekapan dalam penggunaan kertas dan mencetak hanya apabila diperlukan sahaja. Di samping itu, kecekapan dalam penggunaan tenaga elektrik iaitu dengan mengurangkan bilangan pencetak.
- iii. Meningkatkan penggunaan perkhidmatan secara dalam talian yang bercirikan akses via pelbagai peranti (mudah alih atau komputer) dengan tidak mengabaikan aspek keselamatan maklumat.



Sesi Perbincangan Akhir Antara Muka (*Interface*) eKEPS yang diterajui oleh TSU (PK)


## Pengurusan Maklumat



### SISTEM PENGAMBILAN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (mySPP)

Dalam memastikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya pencari kerja, SPP telah mengambil inisiatif secara perkongsian pintar bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan lahirah Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) yang telah dilancarkan pada 15 Julai 2020.

mySPP merupakan inisiatif Pengurusan Tertinggi SPP dan migrasi fungsi pendaftaran pekerjaan daripada Portal *JobsMalaysia*. Sistem ini adalah borang pendaftaran permohonan pekerjaan secara dalam talian untuk memohon 12 jawatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) dan pembangunan sistem ini dilaksanakan dengan menggunakan kepakaran dalaman SPP.



Sistem mySPP

Maklumat Pemohon

## Pengurusan Maklumat



### Maklumat Akademik

Bagi memastikan maklumat yang diterima mySPP adalah sahih, sistem tersebut telah diintegrasikan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu penggunaan padanan nombor kad pengenalan dan maklumat peribadi. Di samping itu, perkakasan sistem ini menggunakan teknologi maya (*Virtual Server*) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Sesi Taklimat Sistem mySPP bersama TSU (P)

## Pengurusan Maklumat




### SISTEM ADUAN DALAMAN (SADA)

Sistem Aduan Dalaman (SADA) ini merupakan satu saluran aduan bagi kakitangan SPP yang melibatkan pelanggaran peraturan penjawat awam. Semua kakitangan SPP boleh melaksanakan aduan berhubung integriti dan menyemak status aduan secara mudah, cepat dan kerahsiaan akan dilindungi. Sistem ini hanya boleh diakses oleh warga SPP sahaja.

Pembangunan sistem ini dilaksanakan dengan menggunakan kepakaran dalaman SPP dan perkakasan sistem ini menggunakan teknologi maya (*Virtual Server*) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Sistem Aduan Dalaman (SADA)



Modul Aduan Baharu

## Pengurusan Maklumat




Dalam era digital ini, SPP sentiasa komited dalam memastikan semua urusan ditambah baik dari semasa ke semasa. Justeru, SADA merupakan salah satu inisiatif transformasi penyampaian perkhidmatan SPP iaitu memastikan pengurusan aduan kakitangan SPP dapat dilaksanakan dengan mudah serta secara atas talian. Majlis pelancaran dirasmikan oleh YBhg. Datuk Setiausaha pada 29 Disember 2020 dan sistem ini boleh digunakan sepenuhnya pada 4 Januari 2021.




Majlis Pelancaran Sistem Aduan Dalaman (SADA) oleh YBhg. Datuk Setiausaha



Pegawai Yang Hadir Ke Majlis Pelancaran Sistem Aduan Dalaman (SADA)



# URUS SETIA CAWANGAN SABAH



# Urus Setia Cawangan Sabah

SPP Urus Setia Cawangan Sabah (USC Sabah) sepanjang tahun 2020 telah merangka dan melaksanakan beberapa aktiviti dengan jayanya bagi memastikan objektif organisasi iaitu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga APP di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tercapai.

**01** Program Bersepadu SPP Bil. 1 Tahun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah pada 4 Februari 2020. Sesi perkongsian ilmu bersama Ketua-Ketua Jabatan.



## Urus Setia Cawangan Sabah



02

Latihan Memadam Kebakaran bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabalu pada 28 Februari 2020.



## Urus Setia Cawangan Sabah

03

Program Lawatan Kerja ke Pejabat USC Sabah oleh YBhg. Datuk Seri Timbalan Pengerusi SPP bersama YBhg. Datuk Setiausaha SPP bertempat di Bilik Mesyuarat Sabah, Pejabat Persekutuan Sabah pada 27 Ogos 2020.



## Urus Setia Cawangan Sabah



04

Sesi Temu Duga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 Guru Interim bertempat di Pejabat SPP USC Sabah pada 8 - 10 September 2020.



## Urus Setia Cawangan Sabah

05

Program Naziran Perkhidmatan Zon Pedalaman Bawah (Keningau, Tambunan, Nabawan, dan Tenom) bertempat di Kolej Vokasional Keningau pada 14 - 15 September 2020.



USC Sabah menyampaikan cendera kenangan kepada pihak Kolej Vokasional Keningau sebagai tanda penghargaan serta atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan program naziran perkhidmatan SPP.

# URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK



# Urus Setia Cawangan Sarawak



SPP Urus Setia Cawangan Sarawak (USC Sarawak) telah merangka dan melaksanakan beberapa aktiviti dengan jayanya sepanjang tahun 2020 dan senarai aktiviti adalah seperti berikut:

## 01 | Sesi Naziran dan Konsultasi Perkhidmatan

- a) Naziran Urusan Perkhidmatan Siri 1/2020 telah diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah Baram pada 10 hingga 14 Februari 2020 yang melibatkan 9 buah Pusat Tanggungjawab (PTJ). Sejumlah 774 urusan telah disemak yang merangkumi 87 urusan Pengesahan Pelantikan (PPT), 46 urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), 344 urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan 297 urusan Pemberian Taraf Berpencen (PTB).



## Urus Setia Cawangan Sarawak



- b) Naziran Urusan Perkhidmatan Siri 2/2020 telah diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah Sibul pada 20 hingga 23 Oktober 2020 yang melibatkan seramai ke atas 25 buah PTJ. Sejumlah 204 urusan telah disemak yang merangkumi 56 urusan Pengesahan Pelantikan (PPT), 5 urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), 67 urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan 76 urusan Pemberian Taraf Berpencen (PTB).



- c) USC Sarawak telah mengadakan Konsultasi Perkhidmatan di Zon Tengah (Sibu dan Mukah) pada 19 Oktober 2020 yang melibatkan 140 orang pegawai yang menguruskan urusan perkhidmatan yang merangkumi 22 buah Sekolah Menengah, 93 buah Sekolah Rendah serta masing-masing satu Kolej Vokasional dan Politeknik di Zon Sibu dan Mukah. Konsultasi Perkhidmatan dibahagikan kepada dua sesi iaitu jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 hingga 4 petang. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pegawai yang terlibat secara langsung menguruskan urusan perkhidmatan dan medium 2 hala untuk mendapatkan maklumat dan permasalahan berkaitan urusan perkhidmatan APP.



## Urus Setia Cawangan Sarawak



02

Kunjungan Hormat Kepada Pengarah Kementerian Luar Negeri, Pejabat Wilayah Sarawak pada 26 Jun 2020

Satu sesi kunjungan hormat ke pejabat Pengarah Kementerian Luar Negeri, Pejabat Wilayah Sarawak telah diadakan pada 26 Jun 2020 (Khamis) jam 2.30 petang oleh USC Sarawak yang diketuai oleh Puan Faizah binti Edrus, Setiausaha Bahagian. Rombongan SPP USC Sarawak di sambut oleh Encik Monty Labong Ludan, Pengarah Negeri, Kementerian Luar Negeri, Pejabat Wilayah Sarawak. Tujuan kunjungan hormat ini adalah bagi menerangkan fungsi dan peranan SPP secara am dan khusus di negeri Sarawak, dan membincangkan kerjasama dua hala di antara SPP USC Sarawak dengan Kementerian Luar Negeri, Pejabat Wilayah Sarawak, khususnya dalam program-program yang dirancang pada masa hadapan.



03

Kunjungan Hormat Kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) pada 9 Julai 2020

Kunjungan hormat ke pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) pada 9 Julai 2020 (Khamis) jam 2.30 petang ini telah diketuai oleh Puan Faizah binti Edrus selaku Setiausaha Bahagian, USC Sarawak dan turut hadir bersama ialah Encik Frische Kuleh Engan, PSU (Pentadbiran), Puan Norazian binti Md Noh, PSU (Perkhidmatan), Puan Faridah binti Mohamad Othman, PSU (Pengambilan) dan Puan Seppi anak Francis, Setiausaha Pejabat. Rombongan USC Sarawak di sambut oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Tujuan utama kunjungan adalah bagi menerangkan fungsi dan peranan SPP secara am dan khusus di negeri Sarawak, memaklumkan status pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran kepada negeri Sarawak – perwakilan kuasa secara pentadbiran kepada Pengerusi Panel Temuduga lantikan SPP kelahiran negeri Sarawak dan membincangkan kerjasama dua hala di antara SPP USC Sarawak dengan Pejabat SUPS, khususnya dalam Program Turun Padang dan sebagainya.



## Urus Setia Cawangan Sarawak



### 04 | Kunjungan Hormat kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak pada 7 September 2020


USC Sarawak telah mengadakan satu sesi kunjungan hormat kepada YB Dato' Sri Michael Manyin anak Jawong, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak telah diadakan pada 7 September 2020 (Isnin), jam 2.00 petang. Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah bagi menerangkan fungsi dan peranan SPP secara am dan khusus di negeri Sarawak, memaklumkan peranan SPP untuk mencapai sasaran dasar 90:10 iaitu 90% guru di negeri Sarawak adalah anak kelahiran negeri Sarawak dan memaklumkan status pelaksanaan pemberian *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sarawak – perwakilan kuasa secara pentadbiran kepada Pengerusi Lembaga Temuduga pegawai lantikan SPP kelahiran negeri Sarawak. Selain itu, sesi kunjungan hormat ini dilihat dapat memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama sedia ada antara SPP dan juga Kerajaan Negeri Sarawak.




### 05 | Lawatan Kerja YBhg. Datuk Seri Timbalan Pengerusi SPP Ke SPP Urus Setia Cawangan Sarawak pada 9 – 10 September 2020

YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh, Timbalan Pengerusi SPP telah mengadakan lawatan kerja ke SPP Urus Setia Cawangan Sarawak pada 9 – 10 September 2020. Turut hadir mengiringi beliau ialah YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP. Tujuan lawatan kerja adalah untuk memperkenalkan warga USC Sarawak kepada Timbalan Pengerusi SPP di samping membincangkan maklumat terkini urusan pengambilan dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh SPP USC Sarawak. Selain itu, di akhir program, YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP juga mempengerusikan Mesyuarat Berkala Setiausaha SPP bersama warga SPP USC Sarawak.





# PRESTASI KEWANGAN




# Prestasi Kewangan

SPP diperuntukkan sebanyak **RM22,069,900.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2020 dengan jumlah emolumen sebanyak **RM16,873,700.00**. Walau bagaimanapun, **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah menyekat peruntukan sebanyak RM1,661,000.00 bagi B40**. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun adalah berjumlah **RM19,479,980.84** yang bersamaan **95.46%**. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 19** manakala perbandingan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti **Carta 11**.

**Jadual 19: Perbandingan Peratus Bajet T10 dan B40 bagi Tahun 2020**

PERKARA MAKSUD	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	EMOLUMEN (RM)	TANPA EMOLUMEN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T10	4,632,100.00	4,064,500.00	567,600.00	4,263,400.89	92.04%
B40	15,774,800.00	12,248,200.00	3,526,600.00	15,216,579.95	96.46%
<b>JUMLAH</b>	<b>20,406,900.00</b>	<b>16,312,700.00</b>	<b>4,094,200.00</b>	<b>19,479,980.84</b>	<b>95.46%</b>

**Carta 11: Perbandingan Perbelanjaan Bajet T10 dan B40 Mengikut Tahun**



*Nota: Peruntukan SPP bagi tahun 2020 tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya kerana terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda negara.*

# MESYUARAT SURUHANJAYA




# Mesyuarat Suruhanjaya

Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 [(P.U.A) 189/2007]. Sepanjang tahun 2020, **Mesyuarat Suruhanjaya** telah diadakan sebanyak **21 kali**, **Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib** sebanyak **21 kali** dan **Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat** sebanyak **10 kali**. Bilangan kertas mesyuarat yang telah dipertimbangkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 20** dan pecahan mengikut peratus adalah seperti di **Carta 12**.

Jadual 20: Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya bagi Tahun 2020

PERKARA	JUMLAH
<b>MESYUARAT SURUHANJAYA</b>	
KERTAS PENGAMBILAN	228
KERTAS PERKHIDMATAN	147
KERTAS TATATERTIB	92
KERTAS DASAR	2
<b>MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB</b>	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	96
<b>MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT</b>	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	9
<b>JUMLAH KESELURUHAN KERTAS PERTIMBANGAN</b>	<b>574</b>


Carta 12: Pecahan Bilangan Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan bagi Tahun 2020




## Mesyuarat Suruhanjaya




Mesyuarat Suruhanjaya Kali Ke-1110 di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Fg pada 18 Februari 2020 dilaksanakan buat pertama kalinya dalam tempoh sesi perpindahan SPP ke bangunan baharu.





# DIARI 2020

▶▶▶



# Diari 2020

## JANUARI

23 Januari 2020

Majlis Amanat Tahun 2020 YBhg. Tan Sri Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 3, Blok B1, Kompleks B, JPM.



# Diari 2020



## 23 Januari 2020

Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Rekreasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (KRSRPP) Kali Ke-8 bertempat di Bilik Temu Duga 1-9, Aras 1, Blok B3, Kompleks B, JPM



# Diari 2020



## ▶▶▶ FEBRUARI

### 3 – 5 Februari 2020

Program Bersepadu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil. 1/2020 di Kota Kinabalu, Sabah. Program turun padang Anggota Suruhanjaya dan para pegawai SPP.



## Diari 2020



### 7 Februari 2020

Kunjungan Hormat Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang diketuai oleh YBrs. Dr. Rusmini binti Ku Ahmad ke SPP telah disambut oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP dan YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP.



## Diari 2020

### 27 Februari 2020

Mesyuarat *Search Committee* Bil.1/2020 yang dihadiri oleh ahli yang ditetapkan iaitu wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diadakan bagi pemilihan Anggota Suruhanjaya baharu.



## Diari 2020



### MAC

#### 3 Mac 2020

Majlis Doa Selamat dan Program Wacana Ilmu Bil.1/2020 yang dihadiri oleh Anggota Suruhanjaya dan warga SPP. Program Wacana Ilmu yang bertajuk 'Kerja Sebagai Ibadah' disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, Timbalan Pengerusi SPP.



#### 4 Mac 2020

Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan (ePROPER) yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor.




## Diari 2020

### JUN

#### 17 Jun 2020

Temu duga dalam talian pertama yang dilaksanakan bagi pelantikan ke jawatan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 Calon Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP.



#### 24 Jun 2020

Sesi Taklimat Penambahbaikan Proses Kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)



## Diari 2020



### 24 Jun 2020

Temu duga dalam talian bagi pengambilan 18 orang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH47 mengikut pengkhususan kepakaran.



## JULAI

### 7 Julai 2020

Program Wacana Ilmu Bil.2/2020. Sesi pertama: 9.30 pagi - 10.30 pagi, sesi kedua: 11.00 pagi - 12.00 tengah hari. Program Wacana Ilmu yang bertajuk 'Budaya Kerja Cemerlang Dalam Perkhidmatan Awam' disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, Mantan Timbalan Pengerusi SPP.



# Diari 2020



## 7 Julai 2020

Majlis ringkas meraikan YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, Mantan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang telah tamat kontrak perkhidmatan sebagai Anggota Suruhanjaya.



## 9 Julai 2020

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil SPP yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin Anis Kesoma binti Abd Manan.



# Diari 2020



## 10 Julai 2020

Majlis Angkat Sumpah dan Sesi Taklimat kepada YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang baharu. Majlis Angkat Sumpah dilaksanakan dihadapan YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat, Hakim Mahkamah Persekutuan di Istana Kehakiman, Putrajaya.



# Diari 2020



## 20 Julai 2020

Majlis perkongsian ilmu oleh YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP bersama warga SPP.



## 21 Julai 2020

Mesyuarat Suruhanjaya Kali ke-1117 Bil.11/2020 yang dipengerusikan oleh Pengerusi SPP dengan kehadiran Timbalan Pengerusi SPP yang baharu serta Ahli Suruhanjaya.



## Diari 2020



### 22 – 24 Julai 2020

Mesyuarat Bersepadu SPP 2020 yang dipengerusikan oleh Setiausaha SPP yang diadakan di Resort World Awana Genting Highlands, Pahang.



### OGOS

### 17 – 19 Ogos 2020

Program Bersepadu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil. 2/2020 di Kuala Terengganu, Terengganu. Aktiviti yang turut dilaksanakan ialah Sesi Konsultasi Tatatertib dan Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan (ePROPER) di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu.



# Diari 2020



## 28 Ogos 2020

Mesyuarat *Search Committee* Bil.2/2020 yang dipengerusikan oleh Pengerusi SPP dan turut dihadiri oleh ahli tetap iaitu Timbalan Pengerusi SPP, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM), YBhg. Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim serta wakil JPA, KPM dan KPT telah diadakan bagi pemilihan Anggota Suruhanjaya baharu.



# Diari 2020



## ▶▶▶ SEPTEMBER

### 3 September 2020

Peserta dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang hadir ke Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan (ePROPER) di Dewan Seri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri di Kota Bharu, Kelantan.



### 11 September 2020

Kunjungan Hormat Universiti Tun Hussein Onn ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang disambut oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP dan YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP.



## Diari 2020



### 14 September 2020

Kursus Teknologi Maklumat: Aplikasi dan Keselamatan ICT kepada warga SPP.



### 24 September 2020

Mesyuarat Perhubungan Khas SPP & KPM telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof dan dihadiri oleh YBrs. Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, dan Tuan Rospiagos bin Taha, Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia, KPM.



## Diari 2020



29 September 2020

Pengenalan Skim Perkhidmatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dang Anum, Merlimau, Melaka.



Delegasi SPP diberi taklimat ringkas oleh Pengetua SMK Dang Anum berkenaan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah tersebut.



Wakil Pembantu Makmal SMK Dang Anum memberi penerangan berkenaan tugas dan peranan kepada Delegasi SPP.



YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP diberi taklimat oleh Pembantu Pengurusan Murid (PPM) Pelajar Pendidikan Khas, SMK Dang Anum.

## Diari 2020



### 30 September 2020

YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP berucap merasmikan Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan (ePROPER) Negeri Melaka di Hotel Balik Pulau, Melaka.



## ▶▶▶ OKTOBER

### 3 Oktober 2020

Penglibatan SPP dalam Karnival Kerjaya Anjuran Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Dewan Serbaguna DBKL, Kampung Baru, Kuala Lumpur.



Urus setia SPP membuat persiapan dan memberi penerangan pendaftaran mySPP kepada pengunjung semasa Karnival Kerjaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Dewan Serbaguna DBKL, Kampung Baru, Kuala Lumpur.



(Kiri) Pengunjung menunggu giliran bagi sesi konsultasi semasa Karnival Kerjaya Kementerian Sumber Manusia (KSM).

# Diari 2020



## 3 Oktober 2020

Hari Sukan SPP yang dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP. Penganjuran program adalah melibatkan warga SPP dan keluarga.




## Diari 2020



### 7 – 9 Oktober 2020

Pelaksanaan sesi temu duga secara bersemuka pertama bagi pengambilan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41 di Ibu Pejabat SPP dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 .



# Diari 2020



## NOVEMBER

### 20 November 2020

Majlis Perasmian *Hall of Fame* SPP oleh Pengerusi SPP. Ruang legar ini mempamerkan koleksi gambar dan tempoh perkhidmatan Pengerusi dan Setiausaha yang pernah menyumbang bakti di Suruhanjaya ini.



Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha serta Ahli Suruhanjaya bergambar di hadapan *Hall of Fame* SPP.

## Diari 2020

### DISEMBER

#### 30 Disember 2020

Majlis Sejambak Kasih Sekalung Budi 2020 merupakan majlis apresiasi warga SPP yang bersara bagi tahun 2020.

Ibarat kata pepatah 'Patah Tumbuh, Hilang Berganti' begitulah resam dalam Perkhidmatan Awam. Jika tiada aral, setiap pegawai yang memulakan perkhidmatan akan berakhir dengan persaraan sama ada pilihan atau wajib.

Tahun 2020, seramai sembilan (9) orang pegawai SPP diraikan dalam majlis persaraan 'Sejambak Kasih, Sekalung Budi'. Lebih istimewa, majlis turut sama meraikan persaraan YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP yang bersara wajib pada 1 Januari 2020.



(Kanan) Sesi memotong kek bagi pesara yang diraikan iaitu YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh dan Puan Hashimah binti Khairuddin.

# Diari 2020



Setiausaha SPP beramah mesra bersama warga SPP.



Sesi *clock out* Setiausaha SPP disaksikan oleh Pengerusi SPP.



Warga SPP memberi lambaian dan penghormatan terakhir kepada Setiausaha SPP.

## Diari 2020



### ▶▶▶ AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UTAMA SPP

Latar belakang ringkas aktiviti-aktiviti dan program-program utama yang telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh SPP.

#### 1) Program Bersepadu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)

Kelazimannya dilaksanakan empat (4) kali setahun di negeri-negeri yang terpilih, misi dan visi SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) terus diperkukuh dengan pelaksanaan Program Bersepadu SPP. Program turun padang mendekati komuniti pendidikan di negeri dan daerah ini adalah usaha berterusan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan ditambah baik agar kepentingan pemegang taruh dan pelanggan dapat dipenuhi.

Senarai aktiviti di bawah Program Bersepadu SPP adalah seperti berikut:

- a) Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri;
- b) Program Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib;
- c) Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sekolah;
- d) Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Luar Negara;
- e) Mesyuarat Suruhanjaya; dan
- f) Mesyuarat Pengurusan.

BIL	TAJUK PROGRAM	TARIKH	NEGERI
1.	Program Bersepadu SPP Bil. 1/2020	3 hingga 5 Februari 2020	Kota Kinabalu, Sabah
2.	Program Bersepadu SPP Bil. 2/2020	17 hingga 19 Ogos 2020	Kuala Terengganu, Terengganu
3.	Program Bersepadu SPP Bil. 3/2020	1 hingga 4 September 2020	Kota Bharu, Kelantan
4.	Program Bersepadu SPP Bil. 4/2020	28 hingga 30 September 2020	Melaka

## Diari 2020



### 2) Pengenalan Skim Perkhidmatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) Sekolah-Sekolah

Bagi memastikan pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) dapat memenuhi kehendak dan harapan pemegang taruh, SPP telah mengambil pendekatan untuk menyelami secara langsung isu dan cabaran berkaitan di tempat kerja agar dapat dijadikan asas rujukan ilmu dalam proses temu duga pemilihan pegawai-pegawai. Melalui program ini, APP yang berada di lapangan khususnya di sekolah-sekolah akan memberikan taklimat berkaitan pengalaman, rutin dan tanggungjawab harian di tempat mereka sedang berkhidmat kepada Anggota Suruhanjaya (ASJ) SPP.

BIL	TAJUK PROGRAM	TARIKH	KETUA DELEGASI
1.	Program Penandaarasan: Pengenalan Skim Perkhidmatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di Sekolah SMK Dang Anum, Melimau, Melaka	29 September 2020	YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP



YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP bergambar kenang-kenangan bersama Delegasi SPP dan Pengurusan SMK Dang Anum, Melimau, Melaka selepas Pengenalan Skim Perkhidmatan AKP sekolah berkenaan.

## Diari 2020

### 3) Pengenalan Portal Pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (mySPP)

Berdasarkan keperluan semasa, SPP telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan migrasi sepenuhnya sistem pengambilan daripada portal *JobsMalaysia* kepada portal mySPP pada 15 Julai 2020. Bermula tarikh tersebut, semua urusan pengambilan termasuk pendaftaran dan semakan serta kemas kini maklumat calon/pengguna boleh dibuat melalui alamat lawan sesawang [www.myspp.spp.gov.my](http://www.myspp.spp.gov.my).

**mySPP**  
SISTEM PENGAMBILAN ANGGOTA  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan  
<https://www.spp.gov.my>

Pastikan anda membaca **SOALAN LAZIM (FAQ)** dan **PANDUAN PENGGUNA** sebelum menggunakan mySPP.

**\*\* PERINGATAN PENTING! \*\***  
Pemohon dinasihatkan untuk membuat permohonan/kemaskini menggunakan komputer & komputer riba sahaja. Penggunaan peranti mudah alih hanya boleh dibuat bagi tujuan SEMAKAN sahaja. Segala kesulitan amatlah dikesali.

MyID (No. Kad Pengenalan) :

Kata Laluan :

**LOG MASUK**

**DAFTAR AKAUN BAHARU**

**LUPA KATA LALUAN**

**Soalan Lazim (FAQ)**  
**Panduan Pengguna (PDF)**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Hotline mySPP  
**Urusan Pengambilan 03-8893 4019 / 4020**  
**Urusan Teknikal 03-8893 4021 / 4022**  
Sila salurkan pertanyaan atau aduan kepada **SISPAA-SPP** untuk bantuan selanjutnya.

**\*\* PERHATIAN \*\***  
Sila pastikan anda **mengaktifkan javascript** di Pelayar Web anda.

## Diari 2020




#### 4) Penyertaan Karnival Kerjaya Luar Oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Kegiatan penganjuran dan penyertaan karnival kerjaya yang menjadi pusat sehenti bagi bakal calon yang berminat menceburi bidang perkhidmatan pendidikan dan juga bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang sedang berkhidmat, diteruskan pada tahun 2020. Penjenamaan dan pemasaran seperti ini bukan sahaja dapat menyebarkan luas fungsi dan peranan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM), malah ia merupakan platform komunikasi secara bersemuka bersama pelanggan.


BIL	TAJUK PROGRAM	TARIKH	KETUA DELEGASI
1.	Karnival Kerjaya Kementerian Sumber Manusia (KSM)	3 Oktober 2020	Dewan Serbaguna DBKL, Kampung Baru, Kuala Lumpur



Suasana di dalam Dewan Serbaguna DBKL, Kampung Baru Kuala Lumpur semasa Karnival Kerjaya Kementerian Sumber Manusia (KSM)



# LIPUTAN MEDIA



## Liputan Media



▶▶▶ THE STAR, 15 SEPTEMBER 2020

### Qualified teachers waiting to be hired full-time

*SPP / The Star / 15/9/2020 / MS 13*  
 A GROUP of qualified teachers who graduated under the holiday teacher training programme (Program Diploma Perguruan Malaysia - Kursus Dalam Cuti) urged the Education Ministry to consider hiring them full-time to address the shortage of teaching staff across the nation, reported *Sin Chew Daily*.

The daily received a letter on Sunday titled "Voices of a Group of Qualified Teachers: We Have Been Forgotten" that detailed their predicament.

According to the group, there are around 60 to 70 qualified educators under the programme who are serving as temporary teachers at SJK (C) while another 100 at national primary schools.

The group claimed to have gradu-

ated from the programme in August 2019. They claimed that they had waited for more than a year but had yet to receive any invitation for interview from the Education Service Commission.

"Recently, there were several Chinese societies which were anxious that the teacher training course for SJK (C) has yet to be filled up and would subsequently cause a shortage of teaching staff.

"But in reality, there are many who are passionate about becoming teachers (at Chinese vernacular schools) but have not been noticed," the letter read.

When contacted, Deputy Education Minister Datuk Dr Mah Hang Soon said he would contact the Human Resources Ministry and

the Education Service Commission to find out more about the planned interview schedules for these teachers.

Dr Mah explained that the movement control order, which began in March, disrupted many plans, especially interviews.

He added that the ministry valued all its teaching staff and had not "forgotten" about any of them.

"All the information on our teaching staff and their service records, including procedures for promotion, are kept safe at the Education Ministry.

"Therefore, we will find out what happened and make arrangements with the departments involved to address the problem," he said.

It was earlier reported that edu-

cationist groups Dong Zong and Jiao Zong as well as Dr Mah had urged the public to apply to be trained as teachers in an attempt to address the shortage of teachers across primary schools in the country.

> Hong Kong singer-actress Gillian Chung appeared to be in good spirits a week after sustaining head injuries in a hotel bathroom and undergoing two surgeries, reported *China Press*.

The 39-year-old was seen in several photos online on Saturday with her bandage taken off, celebrating the ending of filming for a movie in Xiamen, China.

"Very happy to have worked with big sister Gillian and hope you get well soon!" one of the members of the film crew wrote online.

▶▶▶ UTUSAN MALAYSIA, 2 DISEMBER 2020



**SEREMBAN:** Kementerian Pendidikan diharap dapat membantu dalam isu kira-kira 153 orang calon guru simpanan di negara ini yang bakal tamat tempoh sah laku mereka.

Presiden Persatuan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru), Mohd. Azizee Hasan berkata, bagi calon dari Semenanjung, tempoh sah laku mereka akan tamat pada 25 Disember depan manakala bagi calon dari Sabah akan tamat pada 10 Januari 2021.

Jelasnya, keputusan temu duga pada 25 Disember tahun lalu telah menyenaraikan seramai 800 calon simpanan guru dan pada September dan Oktober lalu, seramai 647 calon simpanan sudah mendapat lantikan tetap.

Namun, nasib baki 153 calon simpanan guru yang lain masih menjadi tanda tanya.

"Pihak kami berharap, Kementerian Pendidikan dapat membantu nasib 153 calon simpanan guru ini mendapatkan perjawatan agar lantikan tetap dapat diberikan memandangkan isu kekurangan guru saban tahun berlaku.

"Mereka juga merupakan graduan pendidikan universiti awam yang selayaknya menjawat jawatan guru," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah Mohd. Azizee, jika Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan perjawatan guru tersebut, pihaknya memohon agar Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dapat melanjutkan tempoh sah laku berkenaan.

# PENGIKTIRAFAN



## Pengiktirafan



### SIJIL INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) VERSI MS ISO/IEC 27001:2013



## SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1-4, BLOK B3, KOMPLEKS JPM  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62526 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA**



telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013  
Information Technology – Security Techniques – Information Security Management  
Systems – Requirements**



Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES  
PERAKUAN URUSAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN (APP) MENGGUNAKAN SISTEM eSPP DI IBU PEJABAT  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN.**

*NI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAAN: VERSI 3.1, 04 OKTOBER 2019*



Tarikh dikeluarkan : 11 November 2019  
Tarikh asal pensijilan : 15 November 2018  
Tarikh luput : 14 November 2021  
No. pensijilan : ISMS 00324

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
(No. Syarikat 410334 - X)  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Sekayen 2, Peti Surat 7035  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel : 60-3-5544 6404  
Faks : 60-3-5544 6787  
<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malaysiancertified.com.my>

**Mohd Azanuddin Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti ternyata dalam Perjanjian Pensijilan.

# SEKALUNG PENGHARGAAN



## Sekalung Penghargaan



Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan agensi-agensi Kerajaan lain yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dalam membolehkan urusan di Suruhanjaya ini berjalan dengan lancar.

SPP juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas sumbangan dan bakti yang telah diberikan oleh Anggota Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan kontrak dan pihak Urus Setia SPP yang telah bersara atau bertukar keluar sepanjang tempoh tahun 2020 ini. Khidmat bakti semua pihak yang terlibat amatlah dihargai.

BIL	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN	TARIKH
1.	YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib Timbalan Pengerusi SPP	17.04.2017 hingga 16.04.2020

BIL	URUS SETIA SPP (BERSARA)	TARIKH
1.	Puan Dg Hadizah binti Ag Moxsin	02.01.2020
2.	Puan Halimah binti Rashid	02.01.2020
3.	Encik Malari @ Marali bin Ag Mumin	01.06.2020
4.	Puan Noor Sidah binti Yahya	23.06.2020
5.	Puan Hashimah binti Khairuddin	01.08.2020
6.	Puan Rohani binti Yusuf	28.08.2020
7.	Puan Sabariah binti Hassan	10.10.2020
8.	YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh	01.01.2021

BIL	URUS SETIA SPP (MENINGGAL DUNIA)	TARIKH
1.	<b>Allahyarham Encik Amir Harun bin Jalbarani</b> Allahyarham yang memegang jawatan sebagai Pembantu Operasi Gred N14 di SPP Urus Setia Cawangan Sabah telah berkhidmat selama 35 tahun dalam perkhidmatan awam. Allahyarham meninggal dunia kerana menghidap penyakit kanser usus tahap 4. Semoga arwah ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.	25.09.2020

## Sekalung Penghargaan



BIL	URUS SETIA SPP (BERTUKAR KELUAR)	TARIKH
1.	Puan Pawef anak Patem	02.01.2020
2.	Puan Raihan binti Ramly	06.01.2020
3.	Encik Mohamad Fahmi bin Mohd Latib	15.01.2020
4.	Puan Siti Sofhia binti Mohamad Yusop	20.01.2020
5.	Puan Amirah binti Saidin	10.02.2020
6.	Puan Shairah binti Ahmad Sabri	02.03.2020
7.	Puan Dewi binti Maing	09.03.2020
8.	Puan Intanur Suria binti Wahabi	16.03.2020
9.	Puan Nur Azhani binti Yunos	16.03.2020
10.	Encik Ross Rafizal bin Rosli	10.04.2020
11.	Puan Noor Suhada binti Sani	30.04.2020
12.	Puan Darshiyani Parvathi a/p Sangaram Narayan	01.05.2020
13.	Encik Mohd Shazali bin Md Nor	18.05.2020
14.	Encik Mohd Yusry bin Mat Isa	01.06.2020
15.	Puan Maimunah Nasution binti Md Yusof	13.07.2020
16.	Puan Zatul-Iffah binti Mustafa	27.07.2020
17.	Puan Siti Norbaiti binti Zulkiflie	10.08.2020
18.	Puan Siti Fatimah binti Mohd Daud	24.08.2020
19.	Puan Nor Nabihah binti Mustafa	01.09.2020
20.	Puan Buvana a/p Subramaniam	14.09.2020
21.	Puan Hanie binti Othman	05.10.2020
22.	Puan Fa'izah binti Abdullah	27.10.2020
23.	Puan Fazlin binti Naiman	27.10.2020
24.	Puan Nur Iezhan Hariera binti Taib	27.10.2020
25.	Puan Zuratul Aini binti Zubir	27.10.2020
26.	Puan Jariah binti Jalalus Shuti	28.10.2020
27.	Encik Mohd Azmi bin Mohd Hasan	28.10.2020
28.	Puan Siti Nooraishah binti Nordin	10.11.2020
29.	Puan Nur Syazwani binti Mohd Yusof	13.11.2020
30.	Puan Noor Hazleen binti Samsudin	21.11.2020
31.	Puan Noor Haslinda binti Md Fadzee	24.11.2020
32.	Puan Siti Nurul Hazimah binti A Rahman	24.11.2020
33.	Puan Nurulhsanuddin bin Ab Hadi	24.11.2020
34.	Encik Mohd Yaakob bin Ahmad	24.11.2020
35.	Encik Mulyadi bin Hassan	24.11.2020
36.	Encik Mohammad Fazli bin Baharom	24.11.2020

## Sekalung Penghargaan

SPP mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) warganya. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menjadi satu suntikan semangat dan motivasi kepada warga SPP yang lain untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

SENARAI PENERIMA APC	
1.	Puan Nur Hafizah binti Mohd Shafiei Pegawai Teknologi Maklumat F44 Bahagian Pengurusan Maklumat
2.	Puan Noor Hazleen binti Samsudin Penolong Setiausaha M44 Bahagian Pengambilan
3.	Puan Nur Anizan binti Mansur Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Pengambilan
4.	Puan Asfazura binti Sabran Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Pengambilan
5.	Encik Mohd Rezwan bin Mohd Uzir Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Pengambilan
6.	Puan Krishnaveni a/p Perikaruppan Pembantu Tadbir (P/O) N22 (TBK) Bahagian Perkhidmatan
7.	Encik Muhammad Azwan bin Masarudin Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Perkhidmatan
8.	Puan Aizah binti Abas Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
9.	Encik Mulyadi bin Hassan Pembantu Tadbir (P/O) N22 (TBK) Bahagian Pengurusan
10.	Puan Hasanah binti Hashim Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Pengurusan
11.	Puan Siti Syazwani binti Osman Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Pengurusan
12.	Puan Maryam Mahirah bt Abdul Ghafar Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Keurusetiaan
13.	Puan Jamaliah binti Jamaludin Pembantu Tadbir (P/O) N19 Bahagian Dasar dan Perancangan
14.	Puan Norabidah binti Omar Setiausaha Pejabat N29 Pejabat Setiausaha
15.	Encik Mohd Izwan bin Zakariah Pembantu Am Pejabat N1 (KUP) Bahagian Pengurusan
16.	Puan Norazian binti Md Noh Penolong Setiausaha M44 Urus Setia Cawangan Sarawak
17.	Puan Sherina Anak Ayon Pembantu Tadbir (P/O) N19 Urus Setia Cawangan Sarawak
18.	Encik Albert John Pen. Peg. Teknologi Maklumat F29 Urus Setia Cawangan Sabah

# GLOSARI



## Glosari

SENARAI SINGKATAN	
AKP	Anggota Kumpulan Pelaksana
APP	Anggota Perkhidmatan Pendidikan
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
UA	Universiti Awam
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPPM	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PBM	Pihak Berkuasa Melantik
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKP	Pegawai Khidmat Pelanggan
PM	Pembantu Makmal
PO	Pembantu Operasi
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PPT	Pengesahan Pelantikan
PT (Kew)	Pembantu Tadbir (Kewangan)
PT (P/O)	Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
PTB	Pemberian Taraf Berpencen
PTP	Pelanjutan Tempoh Percubaan
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TFM	<i>Teach For Malaysia</i>

# LAGU SPP



## Lagu SPP



Tekad, tegas dan adil  
Efisien dan amanah  
Mengambil kira semua  
Hasrat pelanggan

Tanpa mengira bangsa  
Tanpa mengira masa  
Kami tetap berkhidmat

Dalam mencapai wawasan  
Kami pentingkan kualiti  
Dalam transformasi dan misi bestari  
Yang terbaik jadi pilihan

Bersama modal insan cemerlang  
Hasrat negara didahulukan  
Berlandaskan kod etika  
Dengan hati yang suci

SPP dinamik, efektif dan berintegriti  
SPP peneraju modal insan  
Sektor pendidikan







**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
(IBU PEJABAT PUTRAJAYA)**

Aras 1-4, Blok F9, Kompleks F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1, 62000 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8871 7499

---

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
URUS SETIA CAWANGAN SABAH**

Aras 1, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas  
88450 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel: 088-488 521 / 522 / 523 / 524  
Faks: 088-487 257

---

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK**

Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn, Lot 1546, Blok 17, KCLD  
Jalan Lapangan Terbang, 93250 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-537 000 / 029  
Faks: 082-528 971 / 972

[www.spp.gov.my](http://www.spp.gov.my)